



Masihkah Ada Ruang Untuk Cahaya Ramadan?

Ramadan menyapaku terlebih dahulu
Menemuiku, dalam kesibukan duniaku
Fikiran tertinggal entah di mana dahulu
Terhimpit lelah tidak bersiap diriku

Jasad letih, jiwa sendiri
Dalam sujud, aku merintih
Mencari cahaya dalam letih
Ingin mendakap ketenangan diri

Tuhan, walau hati ini sering terlambat
Menyambut bulanmu tanpa penuh sedia
Jangan biar aku rebah, lumpuh dan hanyut
Izinkan aku pulang kepada-Mu

Ku percaya Ramadan tetap cahaya
Untuk hati yang mahu percaya
Ahlan wasahlan, selamat datang ya Ramadan
La tahzan innallaha ma'ana, berbahagialah menyambut Ramadan



Nukilan:
Nurkarimah Yusof
Pusat Bahasa Moden
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

[Creative Work](#)

Masihkah Ada Ruang Untuk Cahaya Ramadan?

10 March 2025

-
- 18 views

[View PDF](#)